



Kenyataan Media

oleh

**Dato' Sri Ismail Bin Ahmad**

Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia

pada 16 Oktober 2014

**OPERASI BERSEPADU CERMIN GELAP, NOMBOR PENDAFTARAN  
KENDERAAN, *STROBE LIGHT* & HID**

---

Sebagaimana yang telah saya maklumkan sebelum ini iaitu semasa sidang media di Ipoh, Perak, pada 7 September 2014 yang lalu bahawa JPJ akan mengadakan Operasi Khas terhadap kesalahan berkaitan dengan nombor pendaftaran kenderaan, penggunaan *Strobe Light* dan Lampu HID mulai 1 November 2014. Operasi khas ini akan dibuat secara bersepadu melibatkan agensi penguatkuasa lain seperti PDRM dan SPAD. Dalam hal ini, JPJ telah mengambil pendekatan secara berhemah di mana mulai tarikh pengumuman tersebut di atas sehingga 31 Oktober 2014 merupakan tempoh advokasi dan nasihat kepada orang ramai tanpa mengeluarkan saman. Tempoh masa ini adalah dianggap mencukupi untuk pemilik kenderaan mengambil tindakan pembetulan dengan menukarkan nombor pendaftaran yang tidak mengikut peraturan atau spesifikasi yang ditetapkan, menukar lampu HID yang telah dipasang secara *retrofit* (iaitu pemasangan komponen lampu HID yang bukan

daripada pengeluar kenderaan) kepada lampu mengikut spesifikasi asal dan menanggalkan *Strobe Light* daripada *dashboard* atau mana-mana bahagian kenderaan yang dipasang dengan alat tersebut.

Bermula pada tarikh 1 November 2014, pengguna jalan raya yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang dinyatakan di atas akan dikenakan tindakan seperti berikut:-

➤ **Nombor Pendaftaran Kenderaan yang tidak mengikut peraturan**

Saman dan notis larangan (PG1) akan dikeluarkan secara serentak. Kesalahan ini dikenakan tindakan di bawah Kaedah 6(7) Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran Dan Pelesenan) 1959.

➤ **Penggunaan *Strobe Light***

Saman dan notis larangan (PG1) akan dikeluarkan secara serentak. Kesalahan ini dikenakan tindakan di bawah Kaedah 94 Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembuatan Dan Penggunaan) 1959.

➤ **Penggunaan Lampu HID**

Saman dan notis larangan (PG1) akan dikeluarkan secara serentak. Kesalahan ini dikenakan tindakan di bawah Kaedah 94 Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembuatan Dan Penggunaan) 1959.

Kompaun bagi kesalahan-kesalahan tersebut di atas adalah seperti berikut:-

Kesalahan	Bayar dlm tempoh 2 minggu	Bayar selepas 2 minggu sehingga 1 bulan	Bayar selepas 1 bulan
Nombor Pendaftaran			
➤ Motosikal (Kurang 250CC)	RM 70	RM 120	RM 200
➤ Motokar dan Motosikal (lebih 250 CC)	RM 100	RM 150	RM 250
Penggunaan Strobe Light	RM 100	RM 150	RM 250
Lampu HID	RM 100	RM 150	RM 250

Berkaitan dengan penggunaan cermin gelap, kerajaan telah bersetuju menerima pakai hasil kajian semula kadar ketelusan cahaya melalui bengkel yang telah diadakan pada Jun 2014. Kadar ketelusan cahaya (*Visible Light Transmittance – VLT*) yang baharu adalah seperti berikut:-

PERKARA	KADAR VLT LAMA	KADAR VLT BAHARU
Cermin Hadapan	70%	Kekal
Cermin Sisi Pemandu Dan Penumpang Hadapan	50%	Kekal
Cermin Sisi Penumpang Belakang	50%	30%
Cermin Belakang	50%	30%

Oleh kerana kadar baharu VLT, baru sahaja diluluskan oleh kerajaan, adalah wajar satu tempoh yang munasabah diberikan kepada orang ramai bagi mengambil tindakan pembetulan khususnya bagi pemilik-pemilik kenderaan import mendapatkan gantian cermin yang mengikut kadar baharu VLT. Tempoh masa yang diberi adalah sehingga 30 April 2015. Selepas tempoh tersebut bermula 1 Mei 2015, tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap penggunaan cermin gelap yang tidak mematuhi VLT yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-jenis Kaca Tertentu) 1991. Anggota-anggota JPJ semasa mengadakan operasi akan mengedarkan risalah atau *pamphlet* berkaitan dengan peraturan nombor pendaftaran kenderaan, larangan penggunaan *Strobe Light* , larangan penggunaan Lampu HID dan kadar baharu VLT penggunaan cermin gelap.

-Tamat-